

H1N1: Lagi sekolah ditutup, 23 mangsa baru



KUALA LUMPUR - Sekolah Menengah Sains Matang, Kuching ditutup semalam sehingga 23 April ini selepas sejumlah 24 pelajar dikesan mengalami kes kluster seperti demam influenza (ILI).

Ita menjadi sekolah kedua dikenakan perintah itu di Sarawak selepas Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Limbang yang ditutup sejak kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Mohd. Ismail Merican berkata, kejadian kluster kes pertama ILI dikesan di sekolah itu pada 14 Julai lalu. Sekolah itu mempunyai 542 orang murid.

"Seramai 24 pelajar telah diasingkan selepas sampel daripada 10 pelajar didapati positif H1N1," jelasnya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd. Ismail memberitahu, setakat semalam sebanyak 23 kes baru H1N1 membabitkan 22 jangkitan tempatan dan satu kes import, menjadikan keseluruhannya 871 kes di Malaysia setakat ini.

Dalam pada itu, seorang pesakit menjadi mangsa pertama H1N1 yang dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) sebuah hospital di Kuala Lumpur.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai bagaimanapun enggan menedahkan hospital yang terlibat.



KAMPUS UiTM Lendu, Melaka kini tinggal tujuh pelajar selepas hampir 5,800 orang pulang sejak Khamis lalu ekoran wabak H1N1.

"Kami sedang meneliti (kes ini) dan akan memberi rawatan terbaik," katanya.

Di Alor Gajah pula, kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Lendu, yang mempunyai kira-kira 5,800 pelajar termasuk 4,800 yang menghuni asrama, kini tinggal tujuh orang apabila majoriti pulang ke rumah berikutan wabak H1N1.

Kesemua tujuh pelajar itu termasuk lima perempuan membuat keputusan kekal di dalam kampus kerana rumah mereka terletak jauh dari Melaka.

Lima daripada mereka berasal dari Sabah dan Sarawak manakala dua lagi masing-masing Perlis serta Kelantan.

Pengarah UiTM Melaka, Prof. Madya Datuk Dr. Mizan Hitam pada sidang akhbar di sini semalam menjelaskan, mereka ditempatkan di Rumah Tamu dalam universiti itu sementara menunggu kampus dibuka semula pada 24 Julai ini.

Setakat ini 13 pelajar kampus itu disahkan dijangkiti H1N1 sejak Sabtu minggu lalu.